

# Pembelaan Islam Terhadap Buruh

(Oleh: Budiman Radhi)

Sudah menjadi pengetahuan bagi kita bahawa manusia menghendaki hidup sebaik mungkin, berhajat kepada makan, minum, pakaian dan perumahan. Jalan menuju kepada kesempurnaan ini semua perlulah adanya perusahaan dengan bekerja berusaha bagi mendapatkan makan, minum, pakaian dan perumahan yang sempurna. Manusia tidak dapat menahan lapar dan mati dalam lapar. Dia tidak sanggup melihat anak-anaknya menangis meminta makanan, tidak sampai hati melihat anak isteri berbogel tanpa berpakaian, tidak dapat rasanya akan hidup dibawah kolong langit berhujan berpanas tanpa perlindungan.

Anugerah Tuhan dengan tulang delapan kerat, tubuh badan yang sanggup bekerja untuk menghasil penghidupan yang sempurna, diberi pula akal fikiran guna mengatur hidup sebaik mungkin dan dapat melancarkan usaha sebaik-baiknya. Nabi Muhammad (S.A.W.) pernah memberi semangat kepada para pekerja. Barang siapa pada petang harinya letih kerana bekerja mencari rezeki yang halal, diampuni Tuhan dosanya.

Setelah Tuhan berikan tenaga berusaha dan bekerja dari anggota badan dan akal fikiran, lalu diperintah kita mengembara ke seluruh pelusuk bumi untuk mencari penghidupan dan kehidupan – kesenangan dan kebahagiaan – dengan tidak melupakan Tuhan pencipta alam segala, pemberi rahmat nikmat semua. Dalam mengembara

ke pelusuk alam mencari penghidupan yang sebaik mungkin, kadang-kadang merupakan saudagar atau orang besar, tempoh-tempoh berburuh pada majikan atau pemerintah. Ada kalanya mendapat hidup yang baik sempurna, ada kalanya hidup dilanda derita dan dalam serba kekurangan dan kemiskinan.

Oleh desakan hidup yang menghendaki soal rumahtangga semua beres dan sempurna, tetapi penghasilan dari kerja memburuhnya tidak menjamin kecukupan hidup yang semestinya baginya, maka menimbulkan daya akalnya untuk menipu kawan dan lawan, bermain songlap dengan pemerintah dan majikan, yang merupakan korupsi dan sebagainya. Terfikir pula oleh kita bagaimana orang yang tidak ada pekerjaan satu apa pun, sedangkan dari tiap-tiap waktu perlu mengisi kekosongan perutnya dan anak isterinya, dan perlu berpakaian menutup aurat seperlunya. Dia takkan sampai hati membiar anak isterinya hidup berhujan berpanas di bawah kolong langit, di kaki-kaki lima, di padang-padang, dengan tiada perlindungan sesuatu, mana pula diserang nyamuk, diliputi kedinginan pada subuh pagi.

Oleh tekanan hidup demikian rupa inilah yang mendesakkan berbuat sesuatu yang melanggar undang-undang agama dan negara, terpaksa melangkah kepada hidup merampas dan mencuri di malam hari demi untuk keperluan hidup anak isterinya sebagaimana mestinya. Penduduk

dalam negara sudah rasa tidak aman dan hilang keselamatan ditekan oleh rasa takut pada pencuri dan perompak. Pemerintah mesti bertanggungjawab atas penghidupan dan kehidupan rakyat, mesti berusaha supaya tiap-tiap rakyat mempunyai pekerjaan dan hidup dalam kesederhanaan yang sempurna.

Ini bereerti menutup pintu kecurian dan perampasan. Kalau pemerintah tidak memperhatikan soal ini, akan timbul kecurian dan perompakan dari orang-orang yang tidak ada pekerjaan, kemudian ditangkap dan dihukum. Beerti mereka sudah dua kali menerima kemelaratan hidup, sudah jatuh ditimpa tangga pula.

Untuk mengatasi soal ini, negara perlu mengadakan kerja bagi tiap-tiap orang, kalau tidak pemerintah mesti menjamin penghidupan dan kehidupan mereka jangan sampai menjadi pencuri dan pengemis meminta-minta kesana kemari. Pemerintah mesti bertanggungjawab atas pengangguran rakyat dan kepada buruh yang upah dan gajinya tidak mencukupi untuk keperluan hidupnya. Dengan kemiskinan dan kemelaratan hidupnya akan hilang tanggungjawabnya pada negara dan masyarakat, akan hilang waspadanya dan taatnya kepada pemerintah, bahkan akan mengeruhkan suasana dan ketenteraman masyarakat. Nabi Muhammad (S.A.W) pernah memperingatkan ((tiap-tiap kamu adalah pengurus dan bertanggungjawab akan keselamatan orang-orang yang di bawah tanggunganmu)).

Sering terdapat dari pegawai-pegawai tinggi bila mana rakyat datang meminta kerja tidak dapat perhatian sedikit pun. Pegawai-pegawai tersebut selalu dipengaruhi oleh hadiah-hadiah yang bernilai dari pihak majikan atau orang-orang

besar untuk mendapatkan kerja bagi anak-anak mereka.

Terasa hampalah rakyat yang miskin yang meminta perlindungan kepada mereka, pulang dengan hampa tangan, kerana tak punya benda yang akan dipertalikan dengan permintaannya, tak ada hadiah yang dapat diberi olehnya. Hidupnya merupakan melukut di tepi gantang sahaja.

Rasulullah pernah memberi hadiah satu patil yang dibuat oleh beliau sendiri kepada orang yang mengadu kepada Rasulullah kerana tak punya pencarian, lalu disuruhnya orang itu dengan baik-baik supaya pergi ke suatu tempat yang dapat menjamin penghidupannya, untuk mendapatkan pekerjaan. Di hari yang lain pula Rasulullah bertanya tentang penghasilannya. Baharulah Rasulullah bersenang hati bila mana setahu beliau mata pencariannya itu memuaskan. Pekerja-pekerja ada yang bekerja di bawah pemerintah, ada yang di bawah majikan, ada yang berpenghasilan mencukupi dan ada yang jauh daripada mencukupi, menderita dengan menambah bebanan hutang keatas bahu mereka dan tidak sanggup membayarnya, sebab pendapatannya yang sangat kecil, akhirnya hidup dan matinya ditekan oleh bebanan hutang. Majikan atau kapitalis, sering memberi upah kepada buruh dengan sekecil-kecilnya, dan mereka mendapat keuntungan sebesar-besarnya. Si majikan hidup dengan senang-lenang, tetapi si buruh dihanyut oleh penderitaan hidupnya terumbang-ambing kian kemari. Bagaimana buruh hendak menghantarkan anak-anak sampai ke sekolah tinggi untuk menjadi manusia yang akan bertanggungjawab pada negaranya pada hari akan datang, kerana pendapatan jauh dari mencukupi menurut semestinya, maka akan tetaplah anak-anak mereka hidup menjadi buruh sebagaimana

bapanya. Apa yang diharap pada generasi akan datang? Negara dan masyarakat rugi kerana tenaga cerdik pandai berkekurangan sepanjang masa. Bukankah ini merugikan bagi negara sendiri?

Majikan dan pemerintah hendaklah berfikir agar buruh jangan sampai pendapatan mereka menekan penghidupan mereka. Semestinya kerajaan membuat aturan atau undang-undang yang menegahkan sebarang cara yang menekan dan menyempitkan penghidupan buruh terutama oleh majikan yang memerah tenaga buruh semahu-mahunya. Berilah jaminan kepada mereka dalam hidup makan, minum, berpakaian dan perumahan yang merupakan kesederhanaan yang sempurna untuk anak isterinya dan tanggungjawab dalam persekolahan anak-anak mereka. Kalau buruh yang belum beristeri, bagaimana supaya dia beristeri dan dari mana perbelanjaan dan penghidupan di hari depan.

Dalam soal kedudukan buruh ini, Islam sangat mengambil perhatian dan membela kedudukan mereka. Islam mewajibkan supaya memberi upah atau gaji yang cukup untuk perbelanjaan makan, minum, berpakaian dan perumahan. Nabi Muhammad SAW pernah menegaskan: ((Siapa yang menjadi pegawai ada hak beristeri jika tidak ada pelayan boleh ambil pelayan, jika tidak ada rumah boleh ambil rumah.))

Hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad Bin Hanbal, bahawa Nabi (S.A.W) pernah berterus-terang dalam pembelaan terhadap buruh: ((Siapa yang menjawat jawatan negara kita, kalau tiada tempat kediaman boleh ambil rumah, kalau tiada atau belum beristeri boleh beristeri, dan kalau tiada kenderaan boleh meminta kenderaan.”

Jelasnya, pemerintah atau majikan wajib memberi upah atau memberi gaji yang tidak menekan dan menghisap yang mencukupi penghidupan mereka, sabagaimana mestinya sebagai manusia yang perlu kepada hak-hak hidup. Lihat betapa pembelaan dan jaminan hidup buruh yang diberi oleh Islam? Betapa kemurahan hati Nabi Muhammad dan peri keadilan dalam syariat Islam? Muhammad dan Islam adalah pembela kaum buruh!

Islam menentang sebarang kezaliman dan penindasan terhadap buruh. Nabi Muhammad (S.A.W) sendiri mengingatkan: ((Berilah upah kepada buruh sebelum kering peluh mereka!")) Pernah seorang majikan datang menemui Saiyidina Umar, *president* negara Islam memberitahukan hartanya kecurian, dicuri oleh pencuri, Saiyidina Umar berkata: “Sebenarnya bukan mereka pencuri, tetapi kamulah yang telah mencuri hak mereka, kalau terjadi kecurian lagi, kamu akan aku potong tangan kamu, kerana kamulah sebenarnya pencuri.”

Pemerintah mestilah memandang rakyat sebagai anak sendiri dan harus memberi layanan hidup yang semestinya. Majikan mestilah memandang sebagai saudara kandung terhadap buruh, kalau tidak mereka akan hanyut membawa diri akan bergantung pada orang lain dan muhalah<sup>1</sup> mereka dijadikan perkakas untuk menyerang kita kembali. Lihat bagaimana Islam dengan zakatnya, sedekahnya, hadiahnya yang diperintahkan untuk pembelaan kepada nasib buruh disamping gaji dan upah yang mesti. Lihat Islam merapatkan perhubungan antara rakyat dengan pemerintah, antara buruh dengan majikan yang merupakan persaudaraan Islam yang tegas dan kuat kukuh.

---

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah mulalah